



PENGENALAN RINGKAS

SIA

PENILAIAN IMPAK SOSIAL



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT





PENGENALAN RINGKAS
SIA
PENILAIAN IMPAK SOSIAL


KANDUNGAN

KATA - KATA ALUAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI	i
SEKAPUR SIRIH MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT	ii
MUKADIMAH	1
DEFINISI	2
TUJUAN	3
FAEDAH:	4
i) Masyarakat	
ii) Perancang, Penggubal Dasar, Pentadbir dan Pengurus Projek	
iii) Pemaju dan Pelabur	
iv) Ketua Masyarakat dan Ahli Politik	
PERUNTUKAN PERUNDANGAN SIA DI MALAYSIA	8
PIHAK YANG TERLIBAT DALAM PENTADBIRAN PELAKSANAAN SIA:	9
i) Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia	
ii) Jabatan Alam Sekitar	
iii) Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar, Negeri Sarawak	
iv) Jabatan Perlindungan Alam Sekitar, Negeri Sabah	
GUNA PAKAI SIA:	11
i) SIA untuk Projek dan Program	
ii) SIA untuk Pelan	
iii) SIA untuk Dasar	
PROSES SIA:	14
i) Penentuan skop	
ii) Mewujudkan profil sosial	
iii) Mengenal pasti dan memilih alternatif terbaik	
iv) Mengenal pasti impak dan menyediakan langkah kawalan	
v) Pemantauan	
vi) Tindakan menangani dan pengurusan impak	
vii) Penilaian	
KESIMPULAN	19



KATA-KATA ALUAN

Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI



Pembangunan negara akan lebih dinikmati jika wujud keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan pembangunan sosial. Pembangunan bukan hanya harus seimbang malah perlu lestari atau "sustainable". Bagi mencapai pembangunan lestari ini kerajaan berhasrat supaya penilaian impak sosial ataupun Social Impact Assessment (**SIA**) diamalkan di dalam proses perancangan dan pelaksanaan pembangunan fizikal dan sosial.

Amalan ini adalah wajar memandangkan matlamat utama proses SIA ialah untuk mengenal pasti unjuran kesan-kesan terhadap masyarakat akibat perancangan dan pelaksanaan pembangunan dan seterusnya mengesyorkan tindakan untuk mengurangkan impak negatif sebelum pelaksanaan direalisasikan. Cara ini akan memastikan sesuatu aktiviti pembangunan yang dirancang mendatangkan faedah kepada masyarakat dan tidak sebaliknya. Pendekatan SIA juga melibatkan masyarakat di dalam perancangan aktiviti pembangunan dengan membuka peluang masyarakat memberi input tentang keperluan pembangunan masyarakat setempat.

Buku ini merupakan salah satu daripada usaha kerajaan untuk memperluaskan amalan SIA di dalam proses perancangan dan pelaksanaan pembangunan di negara kita. Saya berharap buku ini dapat dihayati dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua yang terlibat demi kesejahteraan kita bersama.

DATO' SRI MOHD NAJIB TUN HJ. ABDUL RAZAK



SEKAPUR SIRIH

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT



Buku Pengenalan Ringkas SIA ini disediakan bertujuan memberikan penerangan yang asas dan ringkas tentang SIA. Saya berharap buku ini dapat memudahkan kefahaman dan kesedaran tentang konsep SIA di kalangan semua pihak yang terlibat dalam proses pembangunan seperti perancang, pengubal dasar, pentadbir, pengurus projek, pemaju dan pelabur. Di samping itu, pihak-pihak seperti ketua atau pemimpin masyarakat, NGO, ahli politik dan juga setiap anggota masyarakat yang berkenaan juga akan mendapat manfaat daripada buku ringkas ini kerana akan lebih memahami bagaimana SIA boleh menjaga kepentingan mereka dalam proses pembangunan.

Dengan menggunakan SIA sebagai satu alat yang penting untuk pembangunan, kesan-kesan negatif yang timbul daripada proses pembangunan dijangka dapat dielak atau dikurangkan di samping meningkatkan kesan positif yang boleh memberikan lebih manfaat kepada yang berkepentingan khususnya kepada anggota masyarakat yang terlibat.

DATO' SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL

MUKADIMAH

Malaysia ialah sebuah negara yang sedang pesat membangun dan berhasrat menjadi negara maju mengikut acuan sendiri menjelang 2020. Namun demikian, pembangunan ekonomi yang pesat dan taraf hidup rakyat yang semakin meningkat turut mengundang pelbagai impak sosial seperti pemunggiran, pengangguran, peningkatan kadar jenayah, masalah dan gejala sosial, kehilangan mata pencarian dan masalah penempatan.

Lantaran itu, pembangunan ke arah negara maju harus seimbang dan lestari agar pelbagai masalah yang berkaitan dengan masyarakat dapat ditangani secara menyeluruh dan berkesan. Menyedari hakikat ini, kerajaan memutuskan supaya Penilaian Impak Sosial [Social Impact Assessment (**SIA**)] diamalkan dalam proses perancangan, pelaksanaan dan pemantauan bagi pembangunan fizikal dan sosial. Ia bertujuan bagi mengenal pasti dan menangani impak serta cabaran yang dihadapi dalam usaha untuk mencapai kesejahteraan sosial melalui pembangunan.

Buku Pengenalan Ringkas SIA ini, berhasrat untuk memberi pengenalan dan penjelasan yang mudah dan ringkas tentang SIA supaya senang difahami dan digunakan oleh semua pihak yang berkenaan di semua peringkat dan sektor. Di samping itu, buku ringkas ini juga bertujuan untuk mewujudkan satu kesedaran dan kefahaman tentang guna pakai SIA dalam proses perancangan, reka bentuk, pelaksanaan dan pemantauan program, projek dan aktiviti dalam kalangan pembuat dasar, pentadbir agensi pembangunan, pemimpin, ketua masyarakat dan anggota masyarakat yang lain.

DEFINISI

Lazimnya, pembangunan memberi impak terhadap masyarakat. Impak negatif akibat daripada pembangunan berpotensi mengurangkan faedah yang sepatutnya dinikmati oleh masyarakat. Dalam situasi ini, biasanya SIA dilaksanakan untuk mengenal pasti impak pelaksanaan sesuatu dasar, pelan, rancangan, program dan projek terhadap individu dan masyarakat. Sehubungan itu, SIA boleh ditakrifkan sebagai:

"Proses untuk mengenal pasti, meramal, menilai dan menyampaikan maklumat berkenaan impak sosial akibat pelaksanaan sesuatu dasar, pelan, rancangan, program dan projek terhadap masyarakat dan mengesyorkan tindakan untuk mengurangkan impak negatif sebelum pelaksanaan".

Oleh itu, SIA boleh dirumuskan sebagai satu proses penilaian yang merangkumi perkara seperti yang berikut:

- (i) Mengkaji dan meramal impak sosial terhadap individu dan komuniti yang mungkin atau bakal timbul akibat pelaksanaan sesuatu pembangunan.
- (ii) Mencadangkan langkah mengoptimumkan impak positif pembangunan supaya kualiti dan kesejahteraan hidup masyarakat dapat dipertingkat.
- (iii) Mencadangkan langkah menangani impak negatif akibat pembangunan supaya kualiti dan kesejahteraan hidup masyarakat terpelihara.
- (iv) Memantau keberkesanan langkah yang telah diambil.
- (v) Menggunakan hasil penilaian sebagai asas pertimbangan untuk meluluskan sebarang pembangunan yang dicadangkan.

TUJUAN

Tujuan utama SIA adalah untuk memastikan sesuatu pembangunan memberi faedah dan tidak memudaratkan kehidupan penduduk yang terlibat. Matlamat ini dicapai melalui:

- ▶ Pemakluman kepada pembuat keputusan dan orang awam tentang kesan fizikal dan sosial termasuklah impak positif dan negatif akibat pelaksanaan sesuatu dasar, pelan, rancangan, program dan projek.
- ▶ Pengenalpastian cara untuk mengelak dan mengurangkan impak negatif sosial yang dijangka terjadi sekiranya sesuatu pembangunan dijalankan.
- ▶ Penjelasan tentang keperluan dan rasionalnya melaksanakan sesuatu pembangunan yang dijangka memberi faedah kepada masyarakat.
- ▶ Peningkatan kerjasama dan penyelarasan antara agensi kerajaan, swasta dan masyarakat sivil yang terlibat dalam perancangan, pelaksanaan dan kawalan pembangunan.
- ▶ Proses mendapatkan maklum balas dan input daripada semua lapisan masyarakat kerana ia melibatkan mereka dalam proses perancangan dan pelaksanaan pembangunan.

FAEDAH

Pelbagai faedah boleh dinikmati daripada amalan SIA dalam proses perancangan dan pelaksanaan sesuatu dasar, pelan, rancangan, program dan projek. Faedah berkenaan boleh dilihat daripada sudut masyarakat, perancang, penggubal dasar, pentadbir atau pengurus projek, pemaju dan pelabur, ketua dan pemimpin masyarakat serta ahli politik.

i) Masyarakat

Faedah pelaksanaan SIA di peringkat masyarakat :

- Masyarakat berpeluang mengemukakan keperluan pembangunan sosial masyarakat setempat.
- Masyarakat berpeluang meningkatkan kualiti hidup dengan mengambil kesempatan terhadap peluang pekerjaan, perniagaan, perkhidmatan dan lain-lain faedah yang dikenal pasti melalui SIA.
- Masyarakat jelas dan peka tentang hasil pelaksanaan sesuatu tindakan atau aktiviti.

Faedah

ii) Perancang, Penggubal Dasar, Pentadbir dan Pengurus Projek.

Faedah pelaksanaan SIA di peringkat perancang, penggubal dasar, pentadbir serta pengurus projek :

- Mengembleng peranan dan kerjasama serta mengurangkan pertindihan peranan antara agensi yang terlibat dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program pembangunan.
- Membantu pentadbir dan perancang membuat pertimbangan yang wajar dan baik semasa merancang sesuatu pembangunan.
- Membantu pentadbir memberi penjelasan kepada masyarakat mengenai impak pelaksanaan sesuatu dasar, pelan, rancangan, program dan projek.
- Mendapatkan sokongan dan komitmen daripada masyarakat terhadap perancangan dan pelaksanaan sesuatu dasar, pelan, rancangan, program dan projek.
- Sebagai sumber maklumat untuk membantu pihak perancang menetapkan keutamaan isu yang perlu diselesaikan.

Faedah

iii) Pemaju dan Pelabur

Faedah pelaksanaan SIA kepada pemaju dan pelabur :

- Membantu pemaju dan pelabur memahami keperluan, nilai dan budaya penduduk setempat. Ini akan memastikan supaya pembangunan yang dirancang tidak bercanggah dengan nilai dan norma tempatan.
- Kesan positif yang telah dikenal pasti boleh digunakan oleh pemaju dan pelabur untuk menarik pelanggan.
- Program pembangunan fizikal dan sosial yang dicadangkan dapat memenuhi kehendak penduduk setempat dan juga pihak berkepentingan.

Faedah

iv) Ketua, Pemimpin Masyarakat dan Ahli Politik

Faedah pelaksanaan SIA kepada ketua, pemimpin masyarakat dan ahli politik :

- Mengenal pasti peluang yang boleh dimanfaatkan misalnya peluang pekerjaan, penyediaan perkhidmatan atau perniagaan untuk masyarakat setempat bagi meningkatkan kualiti hidup.
- Melindungi sumber budaya, warisan dan sejarah demi kepentingan masyarakat agar tidak lenyap ditelan arus pembangunan.



PERUNTUKAN PERUNDANGAN SIA DI MALAYSIA

Pelaksanaan SIA bukan merupakan suatu perkara baru di Malaysia. Penekanan terhadap elemen penilaian sosial telah pun diambil kira dalam proses perancangan projek pembangunan. Dalam konteks ini, elemen penilaian sosial telah diperkenalkan dan diwajibkan menerusi pelbagai peruntukan undang-undang yang sedia ada seperti yang berikut:

Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 – (Seksyen 34A)

Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172)

Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar, 1993 – Seksyen 11A (bagi Negeri Sarawak sahaja)

Enakmen Perlindungan Alam Sekitar, 2002– Seksyen 12 (2) (bagi Negeri Sabah sahaja)

PIHAK YANG TERLIBAT DALAM PENTADBIRAN PELAKSANAAN SIA

Pihak yang terlibat dengan elemen berkaitan pelaksanaan penilaian sosial semasa terdiri daripada:

i) Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia

Dalam menyediakan rancangan-rancangan pemajuan di bawah peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), SIA diperlukan dalam merangka dasar, pelan, rancangan, program dan projek yang terkandung dalam rancangan-rancangan pemajuan tersebut.

Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) juga membolehkan SIA diterapkan dalam penyediaan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) yang perlu dikemukakan bersama-sama pelan susun atur bagi sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang.

ii) Jabatan Alam Sekitar

Seperti yang telah diperuntukkan dalam Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Jabatan Alam Sekitar bertanggungjawab terhadap pelaksanaan Penilaian Impak Alam Sekitar [Environmental Impact Assessment (EIA)]. Memandangkan isu alam sekitar berpotensi menjelaskan kesejahteraan sosial masyarakat, aspek sosio ekonomi turut diambil kira dalam EIA. Laporan EIA biasanya mengandungi penilaian impak aktiviti pembangunan terhadap aspek sosio ekonomi seperti kependudukan, komuniti dan institusi, konflik antara penduduk asal dengan penduduk baru, impak terhadap individu dan keluarga dan keperluan infrastruktur. Walaupun penilaian terhadap aspek-aspek sosial ini tidak disebut dalam SIA, namun usaha ini sangat berguna bagi memperkasa SIA.

Pihak Yang Terlibat Dalam Pentadbiran Pelaksanaan SIA

iii) Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar , Negeri Sarawak

Untuk Negeri Sarawak, mengikut Seksyen 11A Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar 1993, EIA perlu disediakan bagi aktiviti tertentu. Salah satu aspek yang perlu diberi penekanan ialah impak perubahan alam sekitar terhadap manusia. Seperti dengan Jabatan Alam Sekitar, amalan EIA di bawah bidang kuasa Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar, Negeri Sarawak boleh dianggap sebagai menyumbang kepada amalan SIA.


iv) Jabatan Perlindungan Alam Sekitar, Negeri Sabah

Untuk Negeri Sabah, Seksyen 12(2) Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 memberi kuasa kepada Pengarah Jabatan Perlindungan Alam Sekitar untuk mengarah pelaksana projek melaksanakan EIA bagi aktiviti tertentu. Aspek yang perlu diberi penekanan adalah impak terhadap alam sekitar termasuk impak sesuatu pembangunan ke atas penduduk sekitaran.

GUNA PAKAI SIA

i) SIA untuk Projek dan Program

SIA boleh digunakan untuk menilai impak sosial akibat daripada pelaksanaan projek dan program pembangunan. Dengan mengetahui impak negatif sosial akibat daripada pelaksanaan sesuatu dasar, pelan, rancangan, program dan projek, langkah-langkah mengelak dan mengawal impak berkenaan boleh dikenal pasti. Melalui pendekatan ini impak negatif sosial dapat dikurangkan. Sebagai contoh, impak pembangunan daripada projek dan program seperti pembangunan kawasan pertanian, bandar baru, kawasan perindustrian, pembuangan sisa, pembinaan empangan yang memberi impak terhadap komuniti setempat, boleh dielak atau dikawal dengan mengubah aktiviti serta meminda skop, reka bentuk dan prosesnya.



Guna Pakai SIA

ii) SIA untuk Pelan

SIA boleh juga diguna pakai untuk menilai impak sosial akibat pelaksanaan pelan pembangunan seperti pelan struktur, pelan tempatan, pelan pembangunan wilayah dan juga pelan-pelan khusus seperti pelan landskap dan pelan pembangunan semula sesuatu kawasan. Menyediakan SIA dalam proses penyediaan pelan boleh memberi beberapa kelebihan berbanding dengan penyediaan SIA pada peringkat perancangan projek sahaja. Ini kerana, sesuatu pelan pembangunan melibatkan cadangan pelbagai projek pembangunan. Ini bermakna, SIA yang disediakan untuk sesuatu pelan pembangunan boleh mengambil kira impak sosial secara menyeluruh akibat pelaksanaan beberapa projek.



iii) SIA untuk Dasar

Pelaksanaan sesuatu dasar juga memberikan impak sosial yang positif dan negatif. Impak sosial negatif boleh dihindari jika telah dikenal pasti lebih awal melalui SIA. Berbanding dengan SIA untuk projek dan program, dan untuk pelan, SIA yang disediakan untuk sesuatu dasar bersifat lebih strategik. Ini kerana, sesuatu dasar yang diperkenalkan akan diterjemahkan dalam bentuk dasar, pelan, rancangan, program dan projek. Maka SIA yang disediakan berupaya:

- i) mengambil kira impak di peringkat strategik;
- ii) mengenal pasti langkah kawalan;
- iii) mengenal pasti pilihan alternatif pelaksanaan dasar, pelan, rancangan, program dan projek yang akan dicadangkan;
- iv) menjadi asas atau rujukan kepada SIA yang akan disediakan untuk dasar, pelan, rancangan, program dan projek.



PROSES

Bagi memastikan SIA dilaksanakan dengan berkesan, proses yang sesuai perlu diikuti. Proses ini mestilah diselaraskan dengan proses mereka bentuk dan pelaksanaan sesuatu dasar, pelan, rancangan, program dan projek.

Pada peringkat mereka bentuk, proses SIA melibatkan tindakan yang berikut:

- Penentuan skop
- Mewujudkan profil sosial
- Mengenal pasti dan memilih alternatif terbaik
- Mengenal pasti impak dan menyedia langkah kawalan

Pada peringkat pelaksanaan, SIA memberi tumpuan terhadap:

- Pemantauan
- Tindakan menangani impak
- Pengurusan impak
- Penilaian



Proses

RAJAH 1 : PROSES KITARAN SIA



* Sumber : Ubahsuai daripada SIA Book of Malaysia

Proses

i) Penentuan skop

Penentuan skop penting kerana ia mengenal pasti isu-isu yang perlu diberi perhatian dalam merancang dan melaksanakan sesuatu pembangunan. Ini bermakna, SIA yang bakal disediakan perlu memberi tumpuan terhadap isu-isu tersebut. Proses ini melibatkan pelbagai pihak, iaitu pencadang projek, jururunding SIA, agensi kerajaan, ketua dan pemimpin masyarakat, ahli politik dan penduduk tempatan serta orang awam yang berminat.

ii) Mewujudkan profil sosial

Proses ini melibatkan penyediaan maklumat asas mengenai keadaan persekitaran sosial masyarakat. Maklumat yang dikaji termasuk ciri-ciri penduduk dan kependudukan; corak dan ciri-ciri penempatan; sumber politik, sosial dan budaya; latar belakang sejarah, serta hubungan manusia dengan persekitaran daripada segi fizikal dan biologi (penggunaan sumber asli). Maklumat berkenaan akan dijadikan asas untuk mengenal pasti perubahan yang bakal berlaku.

Proses

iii) Mengenal pasti dan memilih alternatif terbaik.

Oleh kerana SIA membantu dalam mengenal pasti impak sosial dan juga langkah kawalan dalam menangani impak berkenaan, SIA turut mengenal pasti alternatif dalam melaksanakan sesuatu cadangan dasar, pelan, rancangan, program dan projek. Ini kerana, langkah kawalan yang dicadangkan mungkin melibatkan perubahan terhadap lokasi cadangan pembangunan, saiz, reka bentuk, penggunaan sumber asli dan sebagainya. Pada peringkat ini alternatif yang dikenal pasti perlu diperincikan supaya pemilihan alternatif terbaik dapat dibuat dengan tepat.

iv) Mengenal pasti impak dan menyedia langkah kawalan.

Proses mengenal pasti impak melibatkan unjuran dan ramalan pelbagai senario sosial dan perubahan persekitaran akibat pembangunan. Data yang telah dikumpul terlebih dahulu pada peringkat penentuan skop dan pewujudan profil sosial akan digunakan sebagai asas untuk membuat ramalan dan unjuran impak sosial tersebut. Selepas impak sosial dikenal pasti, langkah kawalan akan disediakan. Pelan Pengurusan Sosial (Social Management Plan) kemudian disediakan untuk memastikan segala tindakan yang diperakukan oleh kajian SIA dijalankan dengan lancar.

Proses

v) Pemantauan

Program pemantauan dilakukan untuk menentukan impak negatif sosial yang telah dikenal pasti dapat dikawal. Ini juga bermakna pemantauan perlu memastikan keberkesanan langkah kawalan yang dicadangkan. Proses pemantauan perlu dijalankan secara berterusan agar segala tindakan dan aktiviti projek pembangunan dapat berjalan lancar. Pelan Pengurusan Sosial yang telah disediakan lebih awal mestilah digunakan sebagai asas pemantauan.

vi) Tindakan menangani dan pengurusan impak.

Peringkat ini melibatkan tindakan menangani serta mengurus impak sosial semasa di peringkat pelaksanaan. Tujuan utamanya ialah untuk menangani dan mengurus impak sosial yang timbul. Jika terdapat atau berlakunya impak luar jangkaan, langkah kawalan tambahan perlu dilaksanakan.

vii) Penilaian

Proses terakhir dalam SIA ialah penilaian. Ia adalah satu proses berterusan dan dikendalikan pada peringkat akhir pelaksanaan untuk mengukur keberkesanan pembangunan. Penilaian ini dikendalikan untuk mengenal pasti pencapaian pembangunan berdasarkan objektif asal. Penilaian juga mengambil kira perubahan yang berlaku semasa pelaksanaan dan jika timbul sebarang isu baru. Isu-isu baru ini juga perlu ditangani.

KESIMPULAN

Penilaian Impak Sosial atau SIA akan mengurangkan impak negatif sosial daripada pembangunan yang dilaksanakan. SIA boleh dimanfaatkan oleh pelbagai pihak termasuk pembuat dasar, ahli politik, pelabur, pentadbir, badan bukan kerajaan (NGOs) dan anggota masyarakat dalam merancang dan melaksana sesuatu pembangunan supaya kesejahteraan sosial dan pembangunan mapan berjalan seiring.





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT



Aras 1-6 Blok E, Kompleks Pejabat Kerajaan Bukit Perdana,
Jalan Dato' Onn, 50515 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: +(603) 2693 0095 Faks: +(603) 26934982
E-mel: info@kpwkm.gov.my
www.kpwkm.gov.my